



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

# 2014: Cabaran tangani kos sara hidup

Tahun 2013 bakal melabuhkan tirai esok. Sepanjang tahun ini negara menyaksikan pelbagai peristiwa suka duka yang mewarnai kehidupan rakyat kita dengan yang terkini membabitkan musibah banjir di beberapa negeri. Hakikatnya rakyat menantikan 2014 dengan harapan dan impian yang besar meliputi pelbagai aspek kehidupan harian. Walaupun azam tahun baru setiap individu berbeza mengikut kehendak dan impian masing-masing, namun secara keseluruhannya azam rakyat Malaysia boleh dirumuskan berdasarkan beberapa aspek utama seperti isu peningkatan kos sara hidup, soal kebajikan dan kehidupan sosial serta kestabilan politik dan keselamatan negara.

Isu peningkatan kos sara hidup secara mendadak misalnya terus menimbulkan keresahan dalam kalangan majoriti rakyat, terutama penduduk luar bandar dan golongan pertengahan di bandar. Kuasa beli rakyat dilihat semakin merisaukan dan isu ini terus menjadi perbualan hangat di mana-mana saja. Baik penjawat awam, pekerja swasta mahupun peniaga, petani dan peneroka semuanya mula menzahirkan kerisauan terhadap isu peningkatan kos sara hidup ini. Cadangan untuk merasionalisasikan subsidi kerajaan misalnya menyaksikan bakal berlaku kenaikan tarif elektrik di samping kemungkinan bakal berlaku kenaikan tambang pengangkutan awam dan tol pada 2014. Cukai pintu juga dilaporkan bakal naik. Kenaikan seumpama ini secara serentak jelas merisaukan semua pihak kerana boleh membebankan rakyat. Kita tidak mahu ada tuduhan bahawa kerajaan hanya menjaga kebajikan rakyat ketika musim pilihan raya, tetapi selepas itu kebajikan rakyat ditinggirkan.

Justeru, harapan kita di samping kerajaan mengkaji semula cadangan dan semakin rasionalisasi subsidi yang menyebabkan kenaikan harga, kerajaan perlu tampil dengan inisiatif tambahan untuk terus bantu rakyat meringankan beban sara hidup yang semakin meningkat, terutama isu kenaikan harga barangan keperluan asas perlu dipantau dan ditangani secara menyeluruh.

Kita berharap agar penubuhan Makmal Mengenal Kos Sara Hidup di bawah PEMANDU yang

diumumkan baru-baru ini benar-benar dapat memainkan peranan untuk membela nasib rakyat.

## Impak ekonomi

Walaupun pertumbuhan ekonomi domestik 2014 diunjur berkembang lebih kukuh antara 5 dan 5.5 peratus, tetapi persoalan timbul ialah sejauh mana ia mampu memberi impak positif kepada ekonomi kebanyakan rakyat kita. Tiada gunanya ekonomi kita dikatakan kukuh, tetapi kos sara hidup semakin meningkat. Rakyat berharap agar 2014 boleh menjanjikan pertumbuhan ekonomi mapan yang boleh meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya. Graduan juga mengharapkan akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan mahupun perniagaan untuk meneruskan kehidupan mereka.

Dari segi politik pula, Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) lalu terus meninggalkan kesan yang mendalam dalam landskap politik negara. Pelbagai insiden yang berlaku membabitkan isu perpaduan kaum dilihat semakin mencabar budaya hidup masyarakat majmuk negara ini.

## Perpaduan

Jambatan perpaduan yang dibina atas dasar muafakat, toleransi dan kerjasama yang jitu generasi terdahulu mula menampakkan sedikit keretakan akibat ketamakan kuasa dan kepentingan peribadi kelompok tertentu yang sanggup buat apa saja demi memenuhi impian politik mereka.

Harapan kita pada 2014 agar hubungan kaum dapat dipraktekkan semula. Keharmonian dan rukun hidup masyarakat majmuk perlu terus dipertahankan. Kerajaan perlu lebih tegas dalam menangani isu sensitif seperti ini agar tidak dibiarkan menjadi virus yang sukar dirawat kelak. Hakikatnya kejayaan negara kita selama ini hasil daripada perpaduan kaum utuh yang menjadi tulang belakang setiap kejayaan.

Senjata dan formula utama kejayaan negara ini perlu dimantapkan pada tahun hadapan. Kita tidak mahu tindak-tanduk kumpulan tertentu terus merobek mahupun meruntuhkan jambatan perpaduan yang kita banggakan selama ini. Ringkasnya suhu politik negara perlu dikawal

dan dirawat secara berhemah dan bijak. Persepsi, fitnah dan tohmahan perlu diuruskan dengan baik umpama menarik rambut dalam tepung.

## Keselamatan

Pada masa sama, insiden pencerobohan Lahad Datu serta beberapa kes jenayah berprofil tinggi pula misalnya terus mengugurkan rakyat terhadap aspek keselamatan dalam negara. Walaupun pihak berkuasa dilihat berjaya menangani dan menguruskan kes seperti ini dengan pantas dan bijak, namun harapan kita pada tahun baru ialah agar ia tidak lagi berulang sehingga boleh mengganggu gugat keselamatan dan ketenteraman awam.

Rakyat perlu terus diyakinkan bahawa negara kita selamat, aman dan kita bebas berada di jalanan tanpa sebarang kerisauan atau ancaman bahaya.

Secara dasarnya rakyat juga perlu sedar bahawa bukan mudah untuk mengurus dan menadbir sebuah negara majmuk yang unik seperti Malaysia. Tuntutan dan kepentingan semua pihak yang perlu dipelihara dan dipenuhi sama rata antara cabaran cukup genting. Ia tidaklah mustahil kerana kerajaan miliki pengalaman cukup baik.

Hubungan rakyat dengan kerajaan perlu saling melengkapi dan saling memahami serta dibina atas prinsip yakin dan percaya. Di samping kita berharap pihak kerajaan akan menunaikan tanggungjawab mereka, kita juga mahu rakyat bersama-sama mengharungi cabaran mendatang.

Menjelang tahun baru ini, marilah kita seluruh rakyat Malaysia melupakan segala persengketaan dengan buang yang keruh dan ambil yang jernih, seterusnya berhijrah ke arah membentuk sebuah negara aman dan terus mekar di persada antarabangsa.

Untuk itu, kita mengharap agar formula 1Malaysia akan terus melestarikan agenda membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu, maju dan makmur pada tahun baru kelak. Itulah harapan rakyat menjelang fajar tahun baru dan sama-samalah kita berdoa agar harapan itu menjadi kenyataan.

**Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM)**